

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1990/91

Oktober/November 1990

RMK 252 Pengantar Pengurusan Projek

Masa : (3 Jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TUJUH muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan. DUA dari Bahagian A (SOALAN NO.1 wajib) dan TIGA dari Bahagian B.

Bahagian A

1. Berasaskan Rajah 1, kirakan Tarikh Mula Awal (TMA), Tarikh Tamat Awal (TTA), Apungan Bebas (AB) dan Jumlah Apungan (JA) dengan menggunakan kaedah Matriks Rangkaian pada Rajah 2.
- (25 markah)

2. (a) Sediakan satu carta garisan keseimbangan untuk pembinaan 10 unit rumah serupa berasaskan Rajah 3 dan maklumat-maklumat berikut:

<u>Aktiviti</u>	<u>Jumlah Jamkerja/Unit</u>	<u>Bilangan Pekerja Setiap aktiviti</u>
A	140	3
B	60	2
C	180	3
D	70	2
E	110	2
F	110	3

- Kadar pengeluaran yang diinginkan ialah 2 unit seminggu
- Masa Perantaraan (Buffer) ialah 2 hari
- Masa bekerja, 8 jam sehari, 5 hari seminggu
- Jangkamasa setiap aktiviti seharusnya dibulatkan kepada nilai hari yang lebih besar
- Gunakan corak jadual berikut untuk semua kiraan

Aktiviti	Mh	L	G	g	r	T	ΣT

- (b) Berikan Hari Mula unit pertama dan Hari Tamat unit kesepuluh untuk semua aktiviti-aktiviti A, B, C, D, E dan F.

(15 markah)

3. (a) Sediakan satu carta agihan sumber berdasarkan maklumat-maklumat yang diberikan di bawah:

Aktiviti	Jangkamasa (Hari)	Penggantungan	Kadar Sumber
L	4	-	2
M	2	-	3
N	2	L	3
P	4	L	5
Q	1	P,M	1
R	2	P,L	1

- Jangkamasa maksimum projek ialah 10 hari.

- (b) Sediakan satu carta pengarasan sumber berdasarkan bahagian (a) dan maklumat-maklumat berikut:

- Paras optimum penggunaan sumber ialah 5 unit sumber sehari.
- Pendekatan Had Masa dikekalkan untuk pengarasan ini.

(15 markah)

Bahagian B

4. (a) Berikan takrifan Pengurusan dan Organisasi serta bincangkan pengertian konsep-konsep tersebut.

Berikan justifikasi tentang kewujudan kedua-dua konsep tersebut.

- (b) Kenalpastikan 3 tahap pengurusan dalam sesebuah organisasi.

Bincangkan perbezaan-perbezaan antara ketiga-tiga tahap tersebut dengan merujuk kepada perkara-perkara berikut:

- (i) Peranan pengurusan
- (ii) Pengaruh dan interaksi dengan alam persekitaran
- (iii) Kawalan

(20 markah)

5. (a) Terangkan konsep sistem dan kontingensi.

Bagaimanakah pendekatan tersebut digunakan dalam memperkembangkan teori organisasi dan pengurusan?

- (b) Bincangkan suasana organisasi projek binaan dengan merujuk kepada konsep di atas.

(20 markah)

6. (a) Kenalpastikan proses-proses pengurusan yang dikemukakan oleh Fayol dan rakan-rakannya serta terangkan dengan ringkas perhubungan antara satu sama lain proses-proses tersebut.

- (b) Bincangkan tiap-tiap satu proses tersebut dengan merujuk kepada industri binaan.

(20 markah)

7. (a) Terangkan pengertian konsep motivasi dan hubungannya dengan kelakuan individu.

- (b) Pilih salah satu daripada teori-teori di bawah dan terangkan:

(i) Teori keperluan Hirarki - Maslow

(ii) Teori dua (2) faktor - Herzberg

- (c) Bincangkan teori yang telah anda pilih di atas dalam konteks industri binaan.

(20 markah)

8. (a) Terangkan pengertian konsep kepimpinan dan kaitannya dengan sistem pengaruh.


- (b) Kenalpastikan tiga (3) gaya kepimpinan yang telah anda pelajari serta bincangkan perbezaan antara ketiga-tiganya.

(c) Gaya kepimpinan yang manakah yang sesuai digunakan oleh seseorang pengurus projek.

(20 markah)


- oooOOooo -

Sodan I




Rajah I. Rangkaian Logik Anak Panah.

Sodan 2



Rajah 3 Rangkaian Logik Anak Panah



Rajah 2 Matriks Rangkaian